

19/10/1999

Memahami isu penghinaan mahkamah

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin; Munira Yusoff

SEJAK akhir-akhir ini, isu menghina mahkamah sering diperkatakan oleh media berikutan perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang dikatakan 'disentuh' beberapa pihak sehingga membawa kepada pelanggaran etika mahkamah.

Berikutan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan kerajaan akan mengkaji cadangan Majlis Peguam untuk mewujudkan Akta Menghina Mahkamah bagi membendung perkara itu.

Perdana Menteri berkata, kajian itu perlu kerana banyaknya berlaku penyalahgunaan definisi menghina mahkamah terutama di kalangan peguam yang juga ahli politik.

Secara umumnya, menghina mahkamah bererti sesuatu perbuatan yang boleh ditakrifkan sebagai tidak menghormati dan melanggar etika mahkamah.

Namun, menghina mahkamah mempunyai banyak kategori. Mahkamah di Malaysia diberi kuasa untuk mengenakan hukuman terhadap mereka yang menghina mahkamah mengikut Perkara 126 Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut Perkara 126 Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa untuk menghukum sesiapa yang melakukan apa-apa penghinaan terhadapnya.

Peruntukan yang sama digunakan mengikut Seksyen 13 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Kuasa itu juga diperolehi menerusi undang-undang lazim (Common Law) seperti yang diterimapakai mahkamah di negara ini.

Maksud menghina mahkamah tercetus berikutan satu kes di England dan seterusnya diterima pakai dalam satu kes Mahkamah Agung Malaysia pada 1991.

Dalam kes itu, House of Lords (Mahkamah Rayuan Tertinggi di England) memutuskan bahawa perbuatan menghina mahkamah kelas pertama ialah "sebarang perlakuan atau penulisan diterbitkan, yang boleh menyebabkan sesebuah mahkamah atau hakim mahkamah berasa terhina atau merendahkan kuasanya".

Menghina mahkamah untuk kelas kedua pula adalah percubaan memburukkan mahkamah atau hakim, termasuk penulisan yang dibuat untuk menghalang atau campur tangan dalam usaha mencari keadilan atau proses undang-undang yang sah.

Menurut kes itu, kelas ini tertakluk kepada syarat-syarat penting sebagaimana ditetapkan. Ia menetapkan hakim dan mahkamah adalah terbuka kepada kritikan dan jika hujah munasabah dikemukakan terhadap mana-mana keputusan kehakiman yang dibuat bertentangan dengan undang-undang atau kepentingan awam, mahkamah tidak boleh menganggapnya sebagai perbuatan menghina mahkamah.

Perbuatan yang dianggap menghina mahkamah mempunyai pelbagai bentuk. Satu perbuatan yang jelas menghina mahkamah ialah ingkar kepada arahan mahkamah. Biasanya ia dirujuk sebagai "penghinaan sivil".

'Penghinaan jenayah' pula menggariskan perbuatan campur tangan dalam urusan mahkamah, yang dilakukan untuk mengganggu proses mahkamah. Biasanya kesalahan ini dipanggil perbuatan menghina dari sudut pandangan mahkamah.

Satu lagi bentuk penghinaan jenayah ialah melanggar tatasusila kehakiman, iaitu mencemarkan pentadbiran kehakiman dan hakim.

Bagaimanapun, negara masih belum mempunyai sebarang undang-undang menghina mahkamah secara bertulis seperti England dan India dan ini menyebabkan sebarang keputusan terhadap perbuatan menghina mahkamah adalah terletak pada kuasa dan budi bicara hakim yang mengendalikan kes

berkenaan.

Penghinaan mahkamah boleh dikelaskan kepada dua iaitu:

1. Penghinaan mahkamah yang dilakukan secara langsung.
2. Penghinaan mahkamah yang dilakukan secara tidak langsung.

Perbezaan di antara kedua kategori di atas ialah berkaitan dengan perlakuan penghinaan itu sendiri yang mana secara langsung membawa maksud perlakuan penghinaan yang dilakukan dalam mahkamah.

Penghinaan secara tidak langsung bermaksud, perlakuan penghinaan yang dilakukan di luar mahkamah tetapi ada kaitan dengan mahkamah atau pentadbiran keadilan.

Pada hakikatnya, penghinaan mahkamah boleh dibahagikan secara perbuatan, fizikal atau melalui kata-kata dalam bentuk tulisan.

Secara amnya, perkataan atau tulisan menghalang atau merendahkan nama baik pentadbiran keadilan adalah satu kesalahan jenayah. Sebagai contoh, apabila seseorang itu menuduh hakim menerima rasuah atau berat sebelah, maka kesalahan penghinaan ini adalah lebih kepada kesalahan jenayah.

Di dalam kes *Re Bramblevale Ltd*, mahkamah memutuskan bahawa penghinaan mahkamah adalah suatu kesalahan berunsur jenayah dan kesalahan itu mestilah dibuktikan tanpa ada sedikit pun keraguan yang munasabah.

Kesalahan penghinaan mahkamah selanjutnya boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu:

- a. Penghinaan *infacie* - penghinaan yang dilakukan di dalam mahkamah.
- b. Penghinaan *ex facie* - Penghinaan yang tidak berlaku di dalam mahkamah tetapi bertujuan untuk melemahkan pelaksanaan pentadbiran keadilan.

Penghinaan *ex facie* biasanya dilakukan pihak yang terlibat dengan media masa, terutama dengan media cetak sama ada melalui penulisan atau penerbitan.

Pada amnya kesalahan penghinaan *ex facie* yang berhubung kait dengan dunia penulisan dan penerbitan boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu:

- a. Penerbitan yang cuba untuk mempengaruhi orang ramai ketika prosiding sub judice (dalam proses perbicaraan atau akan dibicarakan).
- b. Menghalang keadilan melalui penerbitan itu sendiri.
- c. Penerbitan yang merosakkan nama baik mahkamah.

Undang undang digubal bukan untuk menyekat atau menghalang kebebasan menulis atau melaporkan berita. Penerbitan sebelum atau semasa perbicaraan boleh memudaratkan seseorang tertuduh dan ini boleh mengakibatkan perlakuan penghinaan oleh penulis atau penerbit berita itu.

Sebagai kesimpulan, kesalahan menghina mahkamah adalah satu kesalahan yang boleh dikategorikan sebagai satu kesalahan jenayah dan pesalah dalam kes ini boleh dijatuhkan hukuman penjara.

Penghinaan terhadap mahkamah bukan saja terbatas pada perlakuan atau percakapan di dalam mahkamah saja bahkan perlakuan dan percakapan di luar mahkamah juga boleh menyebabkan kesalahan ini.